

20.09.2021

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

GANGGUAN BEKALAN AIR BERJADUAL 14 JAM DI KAWASAN-KAWASAN DI JALAN SCOTLAND, DAERAH TIMUR LAUT PADA 25 SEPTEMBER 2021

Masa/Hari/Tarikh	9.00 pagi – 11.00 malam, Sabtu, 25 September 2021.
Sebab	Penutupan Sesalur Utama 750mm Keluli Lempit (MS) dan 450mm Besi Tuang (CI) untuk kerja-kerja pelencongan paip di jejambat Jalan Masjid Negeri / Jalan Scotland, DTL, Pulau Pinang.
Bil. Akaun air yang terjejas	200.

PULAU PINANG, Isnin, 20.09.2021: Kerja pelencongan paip perlu dilakukan dan memerlukan penutupan saluran paip 750 mm MS dan 450mm CI sedia ada di sepanjang Jalan Air Itam dan Jalan Scotland. Ini untuk membolehkan kerja-kerja penyambungan di Jalan Masjid Negeri/Jalan Scotland, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada hari Sabtu, 25.9.2021.

Terdapat empat (4) penyambungan yang membabitkan paip 750 mm MS dan 450mm CI sedia ada di sepanjang Jalan Air Itam dan Jalan Scotland.

Penutupan saluran paip ini akan menyebabkan gangguan bekalan air berjadual 14 jam di kawasan-kawasan tertentu di Jalan Scotland. Kira-kira 200 akaun air akan terjejas oleh gangguan bekalan air ini.

Pengguna-pengguna di kawasan-kawasan berikut dinasihatkan untuk menyimpan air mencukupi untuk kegunaan selama **14 jam, bermula 9.00 pagi sehingga 11.00 malam pada hari Sabtu, 25 September 2021:**

1.	Jalan Scotland	6.	Wisma Yatim Perempuan Islam Pulau Pinang
2.	Scots Pavilion	7.	SMK Agama Al Mashoor
3.	Children Protection Society	8.	Seri Cahaya Condo (Kampung Baru)
4.	Scotland Park	9.	Solok Scotland
5.	Asrama Ramakrishna		

Sila rujuk peta pada 'Appendix A' yang memaparkan kawasan-kawasan yang terjejas.

PBAPP memohon maaf di atas segala kesulitan sementara yang berlaku. Sila simpan air yang mencukupi untuk digunakan ketika tempoh gangguan air.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my

[illegible]